



Rujukan kami : KPWKM(S):18/15/01 Jld. 6 (29)
Tarikh : 5 Ogos 2016

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan,

PENGURUSAN KES – KES TATATERTIB DI PERINGKAT KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti mana YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan, sedia maklum, penguatkuasaan peraturan dan disiplin merupakan salah satu aspek penting dalam organisasi. Matlamat utama pengurusan tatatertib bukanlah untuk menghukum (*punitive*) semata – mata tetapi sebagai **panduan dan pencegahan** (*deterrence*) kepada pegawai awam agar dapat melaksanakan tugas dengan cekap, amanah dan bertanggungjawab.
3. Berdasarkan kriteria Penarafan *Star Rating* oleh Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan dan Pengurusan Malaysia (MAMPU), bagi kes-kes tatatertib biasa, tempoh empat (4) bulan adalah tempoh yang munasabah bagi menyelesaikan kes, bermula dari *prima facie* diputuskan sehingga tarikh hukuman dijatuhkan.
4. Pengurusan kes – kes tatatertib yang mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan memberi kesan kepada pegawai yang terlibat dalam pelbagai aspek perkhidmatan seperti pertimbangan kenaikan pangkat mahupun faedah – faedah perkhidmatan yang lain.
5. Sehubungan itu, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Bilangan 16 Tahun 2016 pada 3 Ogos 2016 telah memutuskan agar Urus Setia Lembaga Tatatertib di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi termasuk di peringkat negeri mengambil

SULIT

tindakan untuk memastikan kes – kes tatatertib biasa diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan bermula dari *prima facie* diputuskan sehingga tarikh hukuman dijatuhkan.

6. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan, boleh menghubungi saya di talian 03-8323 1132 atau e-mel syahrina@kpwkm.gov.my; atau Puan Hafizah binti Yusof di talian 03 – 8323 1134 atau e-mel hafizahyusof@kpwkm.gov.my.

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(INTAN SYAHRINA BINTI ZAINAL ABIDIN)

Unit Integriti

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

SULIT

SENARAI EDARAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
Aras 18, No. 55 Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya
2. Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
No 12B, Bangunan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga
Negara
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
3. Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 25, No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya
4. Pengarah
Institut Sosial Malaysia
Lot PT 13856
KM 6, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur
5. Pengarah
NAM *Institute for the Empowerment of Women* (NIEW)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 28, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

